# SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN BIL.3/93

## PENILAIAN PAKAR-PAKAR DI JAWATAN GRED KHAS

### 1. Tujuan

Surat Pekeliling ini bertujuan memperkenalkan satu format baru baqi urusan pemangkuan dan pengesahan pakar~pakar di jawatan gred khas.

### 2. Latar Belakang

2-1. Lembaga Kenaikan Pangkat Jabatan Perkhidmatan Awam baru-baru ini telah meluluskan satu format baru bagi penilaian Pakar-pakar di jawatan Gred Khas.

2.2- Melalui format baru ini pertimbangan ke jawatan gred khas, diantara lain akan memberi penekanan kepada usaha-usaha dan pencapaian dalam mempertingkatkan dan memperkembangkan perkhidmatan amnya dan disiplin khasnya. Oleh itu asas-asas perakuan adalah lebih komprehensif dan bukan hanya meliputi kebolchan klinikal tetapi juga merahgkumi aspek-aspek seperti daya kepimpinan sebagai pengurus disiplin, sebagai pengajar, penyelidik serta penglibatan dan 'standing' di kalangan ahli professional.

### 3. Tindakan

Bersama~sama ini dikemukakan format baru yang dimaksudkan. Semua FPP&K Negeri/Institusi diminta mengedarkan Pekeliling ini kepada semua Pakar~pakar berkencan untuk makluman mercka. Dato'/Tuan J4uga diminta mempastika,n format ini digunakan sebagai tambahan kepada laporan nilaian Prestas-L tahunan pakar-pakar di jawatan gred khas serta dalam semua urusan pengeschan atau pemangkuan ke jawatan gred khas yang akan datang.

### 4. Pertanyaan

Semua pertanyaan mengenai Pekeliling ini hendaklah dialamatkan kepada:-

.Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihaten Malaysia
Jalan Cenderasari
50590 Kuala Lumpur
(u/p: Pengarah Perkhidmatan Perubatan)

Sekian. Terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

(DATO' DR. ABU BAKAR SULEIMAN)
Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

(Sila catatkan rujukan surat ini apabila menjawab)

## FORMAT BAGI PENILAIAN PAKAR-PAKAR DI JAWATAN GRED KHAS

### 1. SUMBANGAN KEPADA DISIPLIN

Sumbangan kepada disiplin werangkumi pencapaian dari segi hasil kerja, kemajuan kerjaya dan kegiatan membangunkan/semperkewbangkan disiplin dan perkhidmatan di peringkat hospital, negeri dan Kementerian.

1.1. Nyatakan jenis sumbangan dari segi perkembangan perkhidaatan/disiplin diperingkat

(i) Hospital
(ii) Negeri
(iii) Kementerian

1.2. Kemajuan Kerjaya

(i) Jenis aktiviti latihan Bilaugan/Frequency yang dikendalikan di peringkat Jabatan/Negeri.
(iii) Bilangan pegawai yang dilatih.
(iii) Bilangan pegawai yang telah berjaya mendapat kelulusan kepakaran.

### 2. PENGURUSAN

2.1. Peningkatan Kualiti Program

Usaha peningkatan kualiti meliputi aktiviti-aktiviti dibawah Program Quality Assurance dan bagi Total Quality Management.

2.1.1. Program Quality Assurance

(i) Huraikan status pencapaian QA dalam disiplin.
(ii) Huraikan jenis pembaharuan/inovasi yang telah diperkenalkan.

2.1.2. Aktiviti Total Quality Management

Nyatakan usaha-usaha yang telah dilaksanakan.

2.2. Penyeliaan Bilangan/Frequency

(i) Mesyuarat jabatan
(ii) Lawatan ke jabatan-jabatan dibawah tanggangjawab.

**3. KEGIATAN PROFESIONAL LUAR**

3.1. Nyatakan bentuk penglibatan dalam badan-badan professional dan institusi pengajian tinggi

3.2. Nyatakan jenis penglibatan (umpamanya sebagai pengerusi,ahli panel atau penceramah) di seminar persidangan) di peringkat kebangsaan atau antarabangsa (jika ada).

**4. PENERBITAN/KAJIAN**

4.1. Nyatakan kertas-kertas kajian/penerbitan yang telah disediakan.